

# BAHASA MELAYU

(oleh Musyfa')

Saya telah baca makalah Tuan Abu Fadhilah Kelantan bertajukkan "Bahasa Melayu dengan Perubahan Baharu" di dalam Utusan Melayu bertarikh 21 Oktober 1952 itu yang di dalamnya penulis yang bijaksana itu mengingatkan atau mengajar saya pula. Maka ingatannya yang baik itu saya sambut dengan ucapan banyak terima kasih.

Di situ zahirlah Tuan Abu Fadhilah Kelantan menyalahkan saya kerana menegur bahasa Melayu baharu "pemuda" dan "pemudi" dan juga perkataan "abad" dan "kurun" dengan katanya... itu dengan ertinya yang lain daripada orang lain." Suka saya mengingatkan Tuan Abu Fadhilah Kelantan supaya ia faham betul-betul apa-apa keterangan saya telah sebutkan di dalam Majalah "Pengasuh" dan Majalah "Qalam" itu tidakkah telah saya adakan sebutan-sebutan dengan pengertiannya sekali satu persatu? Sekarang apakah pengertian kata Tuan Abu Fadhilah Kelantan: "Dengan erti yang lain daripada orang lain" itu? Jika mengikut kehendak hati Tuan Abu Fadhilah Kelantan itu, ialah bila orang ramai kaum bahasa Mealyu baharu mengatakan kucing itu harimau dan tikus itu babi, saya pun wajib mengikut mereka yang salah itu? Tidakkah sudah beberapa kali saya berkata di Majalah "Pengasuh" dan Majalah "Qalam" ini bahawa tidak mengapa meniru-niru perkataan-perkataan bahasa asing atau merekai perkataan-perkataan baharu, akan tetapi hendaklah tiap-tiap sepatah perkataan ditiru itu biarlah betul ertinya dan tentang mana atau bagaimana memakainya, dan apa yang rekai itu pula biarlah bertepatan dengan sesuatu perbuatan atau hal atau masanya, janganlah main hentam keromo sahaja! Atau capai sebarang capai lalu dimakan seahaja menurut kehendak nafsu perut yang kosong sahajalah yang padahnya gila atau sakit kelak!

Saya suka menerangkan lagi supaya Tuan Abu Fadhilah

Kelantan faham betul-betul ada pun "abad" atau "abada" itu sememang perkataan dari bahasa Arab yang bererti selama-lamanya dan kurun itupun perkataan bahasa Qarab juga yang bererti seratus tahun maka dua perkataan Arab ini tiada boleh disyakkan ertinya masing-masing yang berlain-lainan! Jika berkehendak benar menentukan bilangan tiap-tiap seratus tahun, mengapa tidak beramai-ramai orang Melayu merekai sepatah dua perkataan lain supaya jangan sampai mengelirukan bahasa Arab yang sememang sudah betul itu? Fahamkanlah kata saya ini wahai Tuan Abdu Fadhilah Kalantan dengan tidak mencuba hendak menegakkan benang yang basah tuan!

Bagi penutup makalahnya itu, Tuan Abu Fadhilah Kelantan berkata: - "Apa yang kita mahu ialah supaya Tuan Musyfa' lebih berusaha lagi menunjukkan jasanya yang lain di dalam hal memperbaiki bahasa Melayu yang sedang mara ke hadapan sekarang. Ini adalah lebih baik daripada menyalahkan yang sedikit tetapi lebih banyak atau ramai orang yang menggunakannya." Di sini barang kali Tuan Abu Fadhilah Kelantan belum tahu atau pun ia sengahaja membuat-buat tidak tahu bahawasanya Al-Quran Al-Kairm itu telah diturunkan oleh Allah Taala di dalam bahasa Arab dan perkataan "abad" dan "abada" itu serta "kurun" itupun perkataan-perkataan itu ada tersebut beberapa kali atau beberapa tempat di dalam Quran. Di situ ada tersebut bahawa kafir-kafir itu kelak dipertempatan di neraka Jahanam "abada" yakni selama-lamanya, tatkala sekalian Mukminin wa al-Mukminat selama-lamanya di syurga "abada". Maka perkataan "abada" itulah yang menerangkan selaman-lamanya, bukanlah beratus-ratus tahun. Jikalau adalah orang-orang Melayu meertikan "abad" atau "abada" itu seratus tahun atau beratus-ratus tahun, maka berertilah si kafir itu selepas beberapa ratus tahun yang ditentukan menanggung azab sengsara di dalam neraka, dikeluarkanlah mereka itu dan dimasukkan ke syurga pula dan dapatlah mereka diam bersama-sama dengan umat-umat Islam!

Wahai Tuan Abu Fadhilah Kelantan! Kata tuan yang sedikit itu jangan saya salahkan kerana banyak atau ramai orang menggunakannya, tetapi pada faham saya yang bodoh, bahawa yang sedikit itu menyebabkan banyak atau ramai orang bersalah

dan berdosa besar kerana mengubah-ubahkan pengertian dan fahaman kandungan kitab Allah – Al-Quran Al-Karim itu. Agaknya Tuan Abu Fadhilah Kelantan dan mereka yang sedang mara ke hadapan hendak membaiki atau membaharui bahasa Melayu atau ada sedang bersama-sama memahami perkataan Arab “abad” dan “abada” itu bilangan tiap-tiap seratus tahun itu diumpamakan dengan undang-undang di dunia ini seperti seorang yang bersalah telah dihakamkan penjara (jel) sepuluh tahun atau dua puluh tahun, maka apabila sudah cukup bilangan tahun yang ditentukan di atasnya, dia pun dikeluarkanlah dari penjara itu dengan kebebasan dan bercampurilah dengan orang-orang lain yang ramai! Belumlah Tuan Abu Fadhilah Kelantan ketahui bahawa telah ada sekarang puak-puak yang mengubah-ubah perintah Allah dan hadis-hadis Nabi (SAW) sehingga yang haram dikatakan harus kerana memajukan kehendak zaman “moden” tentang “pilihan raya” boleh perempuan mencampuri dan..... dan..... dan banyak yang lain-lain lagi itu?

**MINYAK RAMBUT “JAMNA”**

---

Minyak ini dibuat khas menurut ilmu sains daripada ramuan-ramuan dan akar-akar kayu. Baunya wangi dan melebatkan rambut menghilangkan kelemumur, pening kepala, membunuh kutu-kutu serta menjauhkan daripada botak. Boleh dapat dibeli di mana-mana kedai.

Dibuat oleh:

**JAMNA**  
Chemical  
Works.

Pembahagi  
Malaya dan Singapura

**M. K. A.  
RAZACK  
BROS.**  
21, Batu Road,  
Kuala Lumpur.

## KERANA APA?

Adalah diberitakan seorang tukang paip di Hollywood Amerika dikatakan telah membuat suatu pekerjaan di rumah seorang pelakon filem yang cantik. Tukang paip itu telah berkenan kepada perempuan yang tersebut kemudian ia berusaha membeli sebuah rumah besar yang bertentangan dengan rumah pelakon itu. Segala pokok yang melindungi di antara rumahnya dengan bilik pelakon itu dipotongnya dan setiap hari ia merenung kepada perempuan itu. Tidak begitu sahaja kelakuannya tetapi kemudian ia membeli suatu teropong sebagaimana yang ada kepada kapal selam dan dari sanalah ia meneropong keadaan dan apa-apa yang terjadi kepada pelakon perempuan itu di rumahnya. Melihat keadaan yang terlalu ini maka pelakon itu akhirnya mendatangkan pengaduan lalu terjadilah perbicaraan atasnya dan peutusan mahkamah menyatakan bahawa tidak menjadi salah perbuatan tukang paip itu kerana seorang memandang kepada seorang tidak menjadi salah dan tidak merosakkan kepada orang itu.

Perkara yang demikian ini ada pula tetapinya pada lain tempat di Amerika juga iaitu di North Carolina. Seorang Negro dikatakan telah merenung seorang perempuan putih sejauh lebih kurang 75 kaki iaitu dari suatu tempat di luar kawasan perempuan itu. Perbuatan ini telah menjadikan sebab perempuan itu menuduh orang Negro tadi dan kemudian dihadapkan di hadapan mahkamah yang kemudiannya orang Negro itu diputuskan oleh juri (kulit putih) salah dan hukuman atasnya ditangguhkan. [Berita ini tersiar di dalam akhbar Inggeris tetapi berita-berita yang terjadi di dalam tempat-tempat mereka tidak kita ketahui bagaimana]

Perhatian: Perkara yang di atas terjadi kerana sama-sama kulit sedang kejadian yang dibawah kerana perbezaan kulit – dengan demikian ini bolehkah dunia ini aman?